

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.10.2015

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang paling berkesan untuk mempertahankan nilai ringgit.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertumbuhan ekonomi serantau yang perlahan boleh memberi kesan kepada ekonomi negara. Namun demikian, kesan ini dijangka memberi impak yang tidak ketara kepada Malaysia memandangkan struktur pasaran luar negara yang kini lebih pelbagai

serta disokong oleh kekuatan daya tahan ekonomi domestik dan asas ekonomi mapan yang telah dibina sejak krisis ekonomi yang lalu.

1. Perangkaan terkini menunjukkan bahawa prestasi ekonomi negara terus berkembang kukuh meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luar. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 5.3% dalam tempoh separuh pertama 2015 (H1 2014: 6.4%). Perkembangan ini didorong terutamanya oleh kecergasan aktiviti permintaan domestik. Pelaburan swasta pada harga semasa mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 13.1% kepada RM108.5 bilion dalam tempoh yang sama. Sementara itu, pelaburan langsung asing terus mencatat aliran masuk bersih yang menggalakkan sebanyak RM22.4 bilion (H1 2014: RM17.9 bilion). Penggunaan swasta turut berkembang kukuh pada kadar 7.6% disokong oleh pasaran buruh yang stabil dalam tempoh yang sama.

2. Beralih kepada pertumbuhan ekonomi serantau pula, ASEAN-5 mencatat prestasi yang berbeza dalam persekitaran luar yang mencabar berikutan pertumbuhan perlahan di China serta harga minyak dan komoditi yang

lebih rendah. Secara keseluruhannya, ASEAN-5 dijangka berkembang sebanyak 4.6% pada tahun 2015.

3. Pertumbuhan global pula dijangka kekal sederhana dengan unjuran sebanyak 3.1% pada tahun 2015. Pertumbuhan ini akan diterajui oleh pertumbuhan ekonomi negara maju, terutamanya Amerika Syarikat dan United Kingdom serta keadaan yang beransur pulih di kawasan euro dan Jepun. Pertumbuhan ekonomi di negara maju dijangka disokong oleh dasar monetari dan fiskal yang akomodatif, penurunan harga minyak, peningkatan keyakinan pengguna serta keadaan pasaran buruh yang lebih baik.

4. Sebaliknya penurunan harga minyak dan komoditi strategik yang lain dijangka memberi kesan negatif kepada pasaran membangun yang berkembang pesat dan ekonomi membangun, terutamanya bagi pengeksport komoditi. Manakala, pertumbuhan China dijangka lebih perlahan dalam persekitaran usaha pengimbangan semula ekonomi negara berkenaan.

5. Ketidaktentuan kedudukan global masa ini memerlukan tindakan lebih responsif dan tegas. Dengan mengambil kira keadaan semasa, Kerajaan telah mengumumkan langkah untuk menangani dan mengurangkan sebarang impak global kepada ekonomi sebenar negara pada 20 Januari dan 14 September.

6. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) pada 20 Ogos, yang akan melapor terus kepada YAB Perdana Menteri. JKE akan mempertimbangkan perancangan serta merta dan jangka sederhana bagi mengukuhkan lagi asas ekonomi Malaysia. Ini termasuk, isu semasa seperti nilai ringgit, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan serta mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal.

7. Dengan mengambil kira persekitaran luar yang lebih mencabar dan pertumbuhan global yang sederhana, KDNK benar negara pada tahun 2015 dijangka mencatat pertumbuhan 4.5% hingga 5.5% disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang berdaya tahan.